



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tun Abdul Razak  
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000  
Faks : 605 527 7273  
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Rujukan Kami: J.Pel.Pk. (HEM) 5128/10/8/ Jld 7 (49)

Tarikh : 7 Mei 2018

**Semua Pegawai Pendidikan Daerah,  
Pejabat Pendidikan Daerah,  
Negeri Perak.**

Tuan,

**PERINGATAN MESRA :  
PELAKSANAAN PROGRAM RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN (RMT) DI BULAN  
RAMADHAN**

Dengan segala hormatnya merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) , KPM.100-1/7/1 Jld.7 (52) bertarikh 13 Disember 2017.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa program RMT ini merupakan bantuan makanan tambahan kepada murid yang layak mengikut syarat yang telah ditetapkan. Pelaksanaan RMT ini hendaklah mematuhi **Surat Pekeliling Kewangan bilangan 2 Tahun 2016 ( No.Rujukan : KPMSP.100-1/7/1 Jld 4(94) bertarikh 14 Oktober 2016 dan Pindaan Surat Pekeliling Bilangan 2 Tahun 2016 RMT (No.Rujukan :KPM.100-1/7/1 Jld.6 (34) bertarikh 1 Mac 2017)** yang telah diedarkan dan perlu dibaca bersama-sama dengan Buku Panduan Pengurusan RMT dan Surat Siaran yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

3. Bagi tujuan tersebut, **RMT Tidak Dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan bagi murid beragama Islam** dan pemberian makanan untuk dibawa pulang adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Borang Pesanan makanan RMT mengikut bilangan murid **Bukan Islam** dan bayaran dibuat berdasarkan bilangan murid **Bukan Islam sahaja**.

4. Sehubungan dengan itu, dimohon tuan memastikan semua sekolah di daerah mematuhi surat arahan dan pekeliling yang telah ditetapkan.

Kerjasama dan perhatian tuan dalam menjayakan program RMT ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(**HAJI MAT JAAFAR BIN MAT ZAIN,PPT. )**

Ketua Sektor,  
Sektor Pembangunan Kemanusiaan  
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Perak

s.k 1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak  
2. Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Perak

Jpn/spk/hem/kebajikan/ruzz2018

**Perak EXcellent**

Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung

